

02 SEP 1998

Ringgit-Dompok

LANGKAH KETAT BUKTI KERAJAAN MAIN PERANAN LINDUNGI RAKYAT

KOTA KINABALU, 2 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok hari ini berkata kawalan tukaran asing yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menunjukkan bahawa kerajaan mempunyai peranan yang jelas di hadapannya.

"Kita boleh lihat yang kerajaan mempunyai peranan yang jelas di hadapannya, untuk menstabilkan matawang supaya negara dapat teruskan usaha dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan serta membangunkan semula ekonomi," katanya.

Sabah menyokong penuh langkah-langkah itu, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet di sini hari ini.

"Melihat situasi di negara kini, saya fikir ini merupakan tindakan yang memang dijangkakan ekoran apa yang berlaku sejak beberapa minggu lepas," katanya.

Beliau berpendapat pelabur jangka panjang yang serius akan tertarik dengan faktor keselamatan yang ditawarkan melalui langkah itu.

Di KUCHING, Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Dr George Chan menyambut baik langkah Kerajaan Persekutuan itu dan berkata ia merupakan langkah yang drastik bagi memandu negara keluar daripada masalah ekonomi sekarang.

"Saya fikir ia tidak akan menghalang pelancong atau menjejaskan perkembangan perindustrian kita kerana terdapat mekanisme untuk mengawasi semua itu," katanya.

Terdahulu, beliau memberi taklimat kepada Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud mengenai aktiviti-aktiviti Kementerian Pembangunan Kebajikan yang di bawah tanggungjawabnya.

Dr Chan yang juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam berkata, langkah itu akan memudahkan ahli perniagaan asing melabur di negara ini.

Katanya, ini kerana apabila nilai ringgit ditetapkan pada sesuatu kadar, ia memudahkan pelabur merancang perniagaan mereka berbanding semasa nilai ringgit berubah-ubah.

-- BERNAMA

KG OPP RHM